

Khianati sistem perundangan: PM

# Majlis Peguam

# tabur fitnah

BH 30 OCT 1991

Oleh WAN HAMIDI HAMID

**SUBANG, Selasa —** Majlis Peguam menyebarkan fitnah dan pembohongan terhadap kerajaan dengan memutarbelitkan fakta mengenai sistem perundangan Malaysia di seluruh dunia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, katanya, Majlis Peguam mesti mengaku bertanggungjawab memburukkan sistem perundangan Malaysia di luar negara, yang secara tidak langsung mengkhianati ekonomi negara.

"Saya mendapat tahu Majlis Peguam pergi ke Amerika Syarikat, Britain, Australia dan di mana-mana sahaja untuk

berbohong mengenai apa yang sebenarnya berlaku.

"Mereka hanya memberi pandangan dari sudut mereka. Ini memerlukan penjelasan. Walaupun saya ingin perkara ini diselesaikan. Majlis Peguam mesti mengakui ia bertanggungjawab memburukkan sistem kehakiman Malaysia di seluruh dunia, yang turut menghilangkan keyakinan pelabur," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan ke Afrika di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini petang ini.

Ditanya mengenai kemungkinan tindakan diambil terhadap peguam berkenaan, beliau berkata: "Kita tidak ambil tindakan. Kita boleh pertahankan diri kita daripada cita-cita buruk yang tidak mempunyai sifat patriotisma sama sekali yang cuba menggunakan pendapat orang asing untuk memburukkan negara sendiri."

Beliau turut mempersoalkan kedudu-

**SUBANG, Selasa —** Kabinet tidak akan dirombak kerana ia masih dapat berfungsi dengan baik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau menolak spekulasi rombakan Kabinet secara besar-besaran pada masa ini.

"Kabinet saya berfungsi dengan baik. Saya tidak nampak sebab (untuk merombaknya) melainkan kalau dia orang nak rombak sendiri," katanya kepada pemberita selepas pulang dari Afrika, di sini petang ini.

kan Majlis Peguam, sama ada ia adalah parti politik atau badan yang bertugas untuk menjaga kehormatan kerjaya guaman.

Perdana Menteri berkata, beliau sanggup menemui Majlis Peguam untuk mengatasi masalah itu dengan syarat badan itu mengakui kesilapannya, termasuk berbo-

**LIHAT MUKA 2**

Majlis  
perlu  
tumpu  
salah  
guna kuasa

DARI MUKA 1

hong di luar negara.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Majlis Peguam masih menyebarkan fitnah mengenai pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Salleh Abas dengan mendakwa ia bertentangan dengan undang-undang.

Perdana Menteri menjelaskan: "Walaupun benar Tun Salleh Abas disingkirkan, proses itu dilakukan mengikut undang-undang dan perlembagaan. Sebaliknya, Majlis Peguam cuba singkirkan (Ketua Hakim Negara) Tun Abdul Hamid Omar melalui proses penghinaan mahkamah".

"Kalau mereka berjaya, tentu Tun Abdul Hamid disingkirkan. Tetapi, tidak ada langsung peruntukan dalam undang-undang untuk penyingkiran Ketua Hakim Negara melalui proses itu. Mengapa perkara ini tidak diambil kira?"

Mengenai cadangan menubahkan satu lagi majlis peguam, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Majlis Peguam sekarang seolah-olah sebagai satu badan antikerajaan yang tidak memberi hak kepada kerajaan untuk mengetahui sama ada ia menjalankan tugasnya, terutama berhubung penyelewengan wang pelanggan.

Katanya, tumpuan Majlis Peguam kepada perkara sedemikian bukan saja akan menyelesaikan masalah tetapi menaikkan imej badan itu sendiri kerana terlalu ramai peguam terbabit dalam penyalahgunaan kuasa, khususnya menipu wang pelanggan.